

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DI UPACARA PEMBUKAAN BALAI POLIS  
BERBILANG TINGKAT, BANDAR HILIR, MELAKA  
PADA 29 SEPTEMBER 1967**

---

**Tuan Pengerusi, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;**

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian di atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan hadir dalam majlis ini untuk bersama-sama menyaksikan pembukaan rasmi rumah-rumah pangsa Polis Bandar Hilir pada hari ini.

Semenjak dari tahun 1960 lagi kita telah mencari tanah yang agak sesuai untuk mendirikan rumah yang cukup untuk menempatkan anggota-anggota Polis Rendah dalam Bandar Melaka ini yang pada ketika itu terpaksa menduduki rumah-rumah sewa dan rumah-rumah yang sangat daif keadaannya. Usaha-usaha untuk mendapatkan tanah kerajaan tidak berhasil. Disebabkan oleh kawasan tanah yang terbatas yang diuntukkan kepada Polis di Melaka ini maka keputusan telah diambil untuk mendirikan bangunan yang meninggi ke atas berupa bangunan-bangunan berbilang tingkat di kawasan tanah simpanan Polis Bandar Hilir ini. Inilah sahaja satu-satunya kawasan tapak yang sesuai yang boleh didapati.

Kerja-kerja berkenaan '*piling*' dan membuat tapak telah disiapkan dalam bulan Mac, 1965. Keseluruhan projek ini telah siap disempurnakan dan diserahkan kepada Polis pada 24 Julai, 1967. Tidak syak lagi, tuan-tuan dan puan-puan akan meyetujui bahawa ianya adalah merupakan suatu bangunan yang terindah dan saya telah diberitahu bahawa bangunan ini adalah yang tertinggi sekali di Melaka sekarang ini. Saya juga maklum bahawa Alat Pembersihan Jamban Tarik bangunan ini adalah juga dari jenis yang pertama sekali digunakan di Malaya ini. Harga membina kedua-dua blok yang mengendungi rumah-rumah Kelas 'G' sebanyak 200 buah itu telah melibatkan perbelanjaan Kerajaan Federal sejumlah \$2,900,000/-.

Bangunan ini adalah satu daripada beberapa buah bangunan dalam rancangan seluruh negara untuk memberikan rumah-rumah tempat kediaman yang lengkap dan moden bagi anggota-anggota Polis. Dengan cara demikian kita bukan sahaja dapat menjadikan masa hadapan bagi anggota Polis itu terjamin bahkan dalam proses sedemikian itu juga menjamin masa hadapan bagi rakyat negara ini seluruhnya.

Negeri Melaka mempunyai penduduk seramai hampir-hampir 384,000 orang yang mana lebih sedikit separuh daripadanya tinggal di Melaka Tengah. Perangkaan disegi jenayah menunjukkan bahawa 70 peratus daripada jumlah kesalahan jenayah yang dilakukan di negeri ini berlaku di Melaka Tengah. Dalam tahun 1966 sebanyak 743 kesalahan jenayah yang berkeadaan dapat dicegah telah berlaku, berbanding dengan 652 kesalahan dalam tahun 1965 bagi seluruh negeri

Melaka ini. Bagi tempoh separuh tahun pertama dalam tahun ini angka tersebut telah mencapai 402 kesalahan. Ini adalah suatu keterangan yang nyata menunjukkan bahawa kadar jenayah di Melaka ini bergerak meningkat. Oleh demikian saya merayu kepada semua rakyat yang baik dalam negeri ini supaya memberikan sokongan mereka yang penuh kepada Polis dalam peperangannya melawan jenayah. Pertolongan dan sokongan yang tuan-tuan berikan secara terus menerus itu sangatlah penting jika menghendaki Polis menjalankan tugas-tugas mereka dengan licinnya sebagai badan yang tersusun. Tidak syak lagi hal seumpama itu sebaliknya akan menjamin keselamatan, kemajuan dan kemakmuran negeri ini dan masyarakatnya yang berbilang bangsa.

Pasukan Polis dalam negeri ini adalah suatu alat untuk melaksanakan peraturan undang-undang; mereka adalah menjadi suatu perantaraan yang dengannya masyarakat moden dapat memelihara ketenteraman, agar rakyat dapat hidup dengan selamat di rumah-rumah mereka dan dapat menjalankan urusan-urusan mereka yang halal dengan bebasnya. Dalam pada menjalankan tugas ini, perkhidmatan mereka adalah dalam bentuk mencegah kejadian-kejadian jenayah, menyasat dan menyelesaikan aduan-aduan, memungut, menapis serta membanding-membanding dan menyebarkan perisik-perisik dan beberapa tugas lain lagi yang asing. Bagaimanapun, semuanya tujuan-tujuan ini tidak akan tercapai dengan ketiadaan sokongan dan kerjasama orang ramai. Walaupun demikian, saya berani berkata dengan bangganya dan dengan penuh kesedaran bahawa Pasukan Polis Negara kita ini adalah sentiasa mencuba mengukuhkan perhubungan baik dengan orang ramai, agar perkhidmatan itu dapat difahamkan oleh orang ramai, dengan disertai pula sokongan semangat dan kerjasama yang cergas yang sesungguhnya menjadi dasar-dasar asasi dalam sistem Polis kita.

Ucapan saya tidak akan lengkap dengan ketiadaan meletakkan di dalam rekod pernyataan terima kasih saya yang tulus ikhlas kepada anggota-anggota dari Jabatan Kerja Raya, dan juga pengkontrek-pengkontrek yang berbagai-bagai yang telah bertanggungjawab bagi pembinaan dan kesempurnaan projek yang indah ini. Mereka telah melaksanakan suatu pekerjaan yang sangat cemerlang dan saya sungguh-sungguh berterima kasih kepada mereka. Demikian juga saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Ketua Pegawai Polis serta Pegawai-pegawai dan orang-orangnya kerana persediaan-persediaan yang kena disediakan untuk menjayakan upacara pembukaan ini.

Pada akhirnya, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian kerana telah sudi bersama-sama menyerikan peristiwa ini dan sekarang saya isytiharkan Bangunan Rumah Pangsa Polis yang baharu ini dibuka.